

13.6 Penyerahan Kerja

- 13.6.1 Setelah Perakuan Siap Kerja dikeluarkan, JKR bagi pihak Kerajaan akan mengambil milik Kerja tersebut dan Kontraktor tidak lagi bertanggungjawab atas sebarang kerugian dan/atau kerosakan kepada Kerja tersebut selain daripada kerugian dan/atau kerosakan yang disebabkan oleh atau akibat daripada Kerja cacat atau kerja yang tidak mematuhi Kontrak. Namun demikian sebelum bahagian kerja tersebut diambil milik oleh Kerajaan, persetujuan daripada pihak Pelanggan hendaklah diperolehi terlebih dahulu bagi memastikan pihak pelanggan bersedia untuk mengambil alih bahagian kerja yang telah disiapkan tersebut. Seberapa segera yang mungkin Kerja tersebut hendaklah diserahkan kepada Jabatan/Kementerian Pelanggan.
- 13.6.2 Bagi tujuan penyerahan Kerja kepada Jabatan/Kementerian Pelanggan, satu pemeriksaan bersama (oleh Jabatan /Kementerian Pelanggan, P.P., Kontraktor dan pihak lain yang terlibat) hendaklah diatur dan kunci bangunan diserahkan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh pengeluaran Perakuan Siap Kerja. Jabatan/Kementerian Pelanggan akan dinasihatkan mengenai keperluan penyenggaraan Kerja tersebut termasuk penyenggaraan pemasangan mekanikal dan elektrik. Semua dokumen berkaitan yang diperlukan bagi penyenggaraan Kerja oleh Jabatan/Kementerian Pelanggan seperti lukisan siap dibina, manual operasi, perjanjian penyenggaraan, dan sebagainya hendaklah diserahkan.
- 13.6.3 Perakuan Serahan Kerja seperti di Lampiran E dan F hendaklah digunakan bagi menyerahkan Kerja kepada Jabatan/Kementerian Pelanggan. Perakuan di Lampiran 13E hendaklah digunakan bagi penyerahan keseluruhan Kerja manakala Lampiran 13F digunakan untuk penyerahan Kerja yang disiapkan dan diserahkan dalam seksyen-seksyen atau bahagian-bahagian.
- 13.6.4 Di dalam keadaan di mana JKR bagi pihak kerajaan telah mengambil milik kerja daripada pihak kontraktor, namun pihak pelanggan belum mengambil milik, P.P. hendaklah melantik Pengawal Keselamatan dengan menggunakan peruntukan projek untuk mengawasi projek berkenaan pada tarikh serahan projek kepada JKR sebelum diambil alih sepenuhnya oleh pihak pelanggan.